

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



SIMPATI

ATA

¹Nur Shafini Mohd Said, ¹Siti Rapidah Omar Ali, ¹Nur Dalila Adenan,

²Wan Mardiana Wan Musa & ¹Suhaily Maizan Abdul Manaf

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

²Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Dapatkah anda membezakan situasi di bawah, simpati atau empati? Apakah kesan bagi kedua-dua situasi tersebut?

A: Aku faham kesedihanmu... Bersabarlah.

B: Aku faham kesedihanmu...Menangislah jika itu mampu meredakan kesulitanmu.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, simpati bermaksud perasaan belas kasihan, timbang rasa, dan sebagainya terhadap seseorang atau sesuatu, terutamanya apabila ditimpa kesusahan. Manakala, empati bermaksud daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain.

Seringkali kita mendengar ucapan simpati dari masyarakat sekeliling jika seseorang ditimpa musibah, namun sedarkah anda ucapan simpati tersebut boleh menambahkan kesedihan

Empati	Simpati
"Saya merasakan apa yang kamu rasa."	"Saya tahu apa yang kamu rasa."
Kemampuan memahami kondisi dan perasaan orang lain	Perasaan kasihan dan duka terhadap kemalangan orang lain
Dapat memahami kondisi orang lain	Tidak dapat memahami kondisi orang lain
Mungkin memiliki pengalaman serupa pada masa lalu	Tidak memiliki pengalaman serupa pada masa lalu
Muncul pemahaman dan penerimaan	Muncul rasa kasihan, duka, dan peduli

Sumber: pediaa.com



Photo by Toa Heftiba on Unsplash

seseorang yang ditimpa musibah itu? Empati adalah satu sikap yang meletakkan perasaan kita pada orang lain atau cuba meletakkan diri pada tempat mereka. Seseorang yang sedang berduka perlu diberikan empati iaitu suatu keadaan di mana seseorang itu perlukan kata-kata semangat untuk bangkit dari kesedihan. Mereka ini lebih perlukan empati dari simpati kerana empati lebih dekat di hati.

Simpati dan empati perlu seiring. Kedua-dua frasa ini mempunyai kebaikannya tersendiri. Hikmah bersifat simpati adalah memupuk perasaan memahami terhadap sesuatu masalah yang dihadapi seseorang dan adakalanya hanyalah mengikut apa yang orang sekeliling lakukan. Manakala, empati adalah lebih kepada menenangkan hati seseorang yang dalam kesedihan dengan cara yang tidak rumit namun mampu memberi ketenangan dan muhasabah diri terhadap seseorang yang ditimpa musibah, lebih-lebih lagi di musim pandemik yang menuju ke endemik ini. Semoga kita mampu menjadi seorang manusia yang bersifat empati dengan penuh ikhlas dan berkasih-sayang.

Rujukan:

Dewan Bahasa & Pustaka (2008). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Fairul Asmaini Mohd Pilus (27 Julai, 2020). Tunjuk teladan baik. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/WM/2020/07/604607/tunjuk-teladan-baik>




Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash